



# PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD

No. Pendaftaran 197201000959 (12557-W)

Ahli Kumpulan Pacific & Orient

Tingkat 11, Wisma Bumi Raya, No. 10, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.

P. O. Box 10953, 50730 Kuala Lumpur. Laman : [www.poi2u.com](http://www.poi2u.com)

Telefon: 03-2698 5033 Faks: 03-2693 8145 Talian Bebas Tol: 1 800 88 2121

SST Registration No./ No. CP - W10-1808-31021805

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Polisi Mesin dan Peralatan.  
Pastikan anda juga telah membaca terma dan syarat am.)

### Polisi Mesin & Peralatan

Tarikh:

#### 1. Apakah produk ini?

Polisi ini menyediakan insurans terhadap kehilangan atau kerosakan kepada mesin dan peralatan anda.

#### 2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi kerugian atau kerosakan kepada mesin dan peralatan yang disebabkan oleh:

- Kebakaran;
- Petir;
- Kecurian; dan
- Kerosakan akibat kemalangan.

Tempoh perlindungan adalah selama satu tahun. Anda perlu memperbaharui insurans setiap tahun.

#### 3. Berapa banyak premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada jumlah yang diinsuranskan, risiko terdedah dan keperluan pengunderaitan syarikat insurans.

#### 4. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

Jenis	Jumlah
▪ Komisen yang dibayar kepada ejen insurans	▪ 25% daripada premium
▪ Duti setem	▪ RM10
▪ Cukai Perkhidmatan (CP)	▪ 6% daripada premium

#### 5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat yang saya harus ketahui?

- Kewajipan Pendedahan:
  - a) Kontrak Insurans Pengguna
    - Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.
    - Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatkan kontrak insurans anda.
    - Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

- Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.
  - Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.
- b) Kontrak Insurans Komersial
- Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan, dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.
  - Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
  - Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.
- Anda mesti pastikan borang cadangan dilengkapkan dengan tepat kerana ia merupakan asas kontrak insurans.
  - Premium yang perlu dibayar mesti dibayar dan diterima oleh kami dalam tempoh 60 hari dari tarikh berkuatkuasanya polisi. Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi maka kontrak ini dibatalkan secara automatik dan kami berhak mengenakan bayaran premium secara pro rata bagi tempoh kami menanggung risiko.
  - Anda hendaklah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk keselamatan dan perlindungan harta yang diinsuranskan pada setiap masa.
  - Apabila berlaku sebarang kejadian yang menimbulkan atau yang boleh menimbulkan tuntutan di bawah polisi ini, anda hendaklah dengan secepat yang boleh dilaksanakan tetapi tidak lewat daripada 30 hari selepas kejadian itu, memberikan notis mengenainya kepada kami.
  - Anda mesti mematuhi dan memenuhi peraturan-peraturan, peruntukan-peruntukan, syarat-syarat, fasal dan pengendorsan polisi ini.

*Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah polisi ini.*

## 6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi sesetengah kerugian, seperti:

- Kehilangan atau kerosakan akibat haus dan lusuh, susut nilai, kemerosotan beransur-ansur, karat, kulat, binatang perosak atau keadaan atmosfera atau berkaitan dengan mana-mana proses pembersihan, pembaikan, pemulihian atau pengubahsuaian atau pembukaan apa-apa bahagian;
- Kehilangan atau kerosakan akibat pemakaian tenaga elektrik, atau kecacatan mekanikal dalam, atau gangguan mekanikal atau kerosakan mekanikal atau kerosakan komponen elektronik pada mana-mana bahagian harta yang diinsuranskan;
- Kehilangan atau kerosakan kepada mana-mana bahagian harta yang diinsuranskan akibat pencucuhan sendiri;
- Kehilangan atau kerosakan seperti calar atau kemek pada apa-apa harta yang diinsuranskan melainkan disebabkan oleh pencuri pecah masuk, pencuri atau kebakaran;
- Kehilangan atau kerosakan kepada mana-mana harta atau apa-apa kerugian atau perbelanjaan akibat daripada atau timbul daripada:
  - a) Secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau diakibatkan oleh atau timbul daripada pancaran pengionan atau pencemaran oleh keradioaktifan daripada sebarang bahan api nuklear atau daripada apa-apa bahan buangan nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran hendaklah termasuk apa-apa proses berdikari pembelahan nuklear;
  - b) Secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau diakibatkan oleh atau timbul daripada bahan senjata nuklear;

- Kehilangan atau kerosakan disebabkan oleh muatan yang berlebihan atau ketegangan;
- Kehilangan atau kerosakan disebabkan oleh letusan apa-apa dandang yang menjadi sebahagian daripada atau dipasang pada atau atas harta yang diinsuranskan; dan
- Kehilangan atau kerosakan kepada mana-mana kenderaan yang digerakkan secara mekanikal atau kapal air.

*Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.*

#### **7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?**

- Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberi notis 7 hari secara bertulis kepada kami;
- Selepas pembatalan, anda layak mendapat bayaran balik premium setelah ditolak premium dikira pada kadar jangka pendek kami bagi tempoh polisi ini telah berkuatkuasa;
- Kami juga boleh membatalkan polisi ini dengan memberi anda notis 14 hari secara bertulis melalui surat berdaftar kepada alamat anda yang terakhir; dan
- Sekiranya pembatalan dibuat oleh kami, kami akan, apabila diminta, memulangkan kepada anda bahagian bersekadar premium yang bersamaan dengan tempoh insurans yang belum lulus.

#### **8. Apakah yang saya perlu lakukan jika terdapat perubahan pada butiran peribadi saya?**

Ia adalah penting yang anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan dalam butiran perhubungan anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyerat sampai kepada anda tepat pada masanya.

#### **9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans mesin & peralatan, anda boleh menghubungi kami atau mana-mana cawangan kami.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Pacific & Orient Insurance Co. Berhad  
 Tingkat 11, Wisma Bumi Raya,  
 No. 10, Jalan Raja Laut,  
 50350 Kuala Lumpur.  
 Tel : 03-2698 5033  
 Faks : 03-2693 8145  
 E-mel : [poi2u@pacific-orient.com](mailto:poi2u@pacific-orient.com)

#### **10. Lain-lain jenis perlindungan insurans mesin & peralatan yang boleh didapati:**

- Peralatan.

#### **NOTA PENTING:**

**ANDA MESTI PASTIKAN MESIN & PERALATAN ANDA DIINSURANSKAN PADA JUMLAH YANG BERSESUAIAN MEMANDANGKAN IA AKAN MENJEJASKAN JUMLAH YANG BOLEH DITUNTUT. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini adalah penerangan ringkas untuk rujukan cepat dan mudah. Terma-terma dan syarat-syarat tepat yang diperlukan adalah terkandung dalam kontrak polisi.

*Pacific & Orient Insurance Co. Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia.*

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01.01.2021.